

TATACARA PENGURUSAN BARANG BERHARGA YANG DITEMUI DI MASJID/SURAU

Oleh

Muhammad Adib bin Samsudin

PENGENALAN

Pengurusan *luqatah* di institusi masjid dan surau merupakan satu aspek penting dalam pentadbiran harta yang memerlukan ketelitian dari perspektif fiqh Islam. Fenomena keciciran barang berharga di premis masjid dan surau merupakan realiti yang tidak dapat dielakkan memandangkan kedua-dua institusi ini menjadi tumpuan orang ramai untuk menunaikan ibadah dan menggunakan kemudahan yang disediakan. Persoalan berkaitan tatacara pengurusan *luqatah* ini perlu ditangani secara sistematik dan berlandaskan hukum syarak memandangkan ia melibatkan aspek pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) yang menjadi salah satu objektif syariah (*maqasid al-shariah*). Pengurusan *luqatah* ini merangkumi tiga dimensi utama iaitu amanah (*al-amanah*), penjagaan (*al-wilayah*) dan pemilikan (*al-iktisab*) yang memerlukan garis panduan komprehensif bagi memastikan hak pemilik asal terpelihara yang harta miliknya keciciran dan pada masa yang sama tanggungjawab pemegang amanah yang menemui barang keciciran itu dilaksanakan dengan sempurna.

Isu penemuan dan pengelolaan barang keciciran ini secara amnya dikupas oleh fuqaha dalam topik *luqatah*. Bahkan *luqatah* itu sendiri menurut ahli bahasa Arab bermaksud barang ditemui (al-Damiriyy 2004 & Qalyubi & 'Umairah t.th:3/115). Buktinya firman Allah (al-Qasas:28/8)

فَالْتَقَطَهُ آلُ فِرْعَوْنَ

Maksudnya: Setelah itu dia (Nabi Musa AS) dipungut oleh ahli keluarga Firaun.

Nas di atas jelas menunjukkan makna perkataan ialah لَقَطٌ mengambil sesuatu yang dijumpai kerana Saiyyiduna Musa AS diambil untuk dipelihara oleh Firaun setelah ditemui dalam alur air.

Pada istilah syarak, *luqatah* bermaksud harta yang ditemui keciciran di suatu kawasan yang tidak dimiliki lalu diambil dan pemilik harta tersebut tidak diketahui (Qalyubi & 'Umairah t.th:3/115, Ibn Qasim 2005:206, al-Sharbiniyy t.th:2/370). Ini bermakna apa-apa sahaja barang yang berharga menurut syarak yang dijumpai dalam kawasan yang tidak menjadi milik individu sama ada masjid, surau dan kawasan awam yang lain termasuk dalam perbahasan *luqatah*. Sebabnya ialah masjid secara khusus dan juga surau yang bukan milik individu diurus oleh pihak berkuasa agama atas nama wakaf. Oleh itu, setiap barang yang mempunyai nilai dari aspek syarak seperti beg, jam atau wang yang ditemui terjatuh atau tercicir daripada pemiliknya di masjid dan surau diambil oleh pihak masjid dan surau dinamakan barang tersebut sebagai *luqatah*.

Walaupun demikian, perbahasan sebenar *luqatah* di sini ialah pengelolaan harta yang dijumpai kerana harta itu mempunyai pemilik asal tetapi disebabkan keciciran yang sama ada dengan sengaja atau tidak disengajakan, harta tersebut kini berada di tangan pihak masjid atau surau yang perlu diurus dengan penuh amanah. Di samping itu juga, ada kemungkinan berlaku pemakaian harta atau pertukaran harta yang berbentuk barang kepada bentuk tunai oleh pihak masjid jika harta itu belum dituntut oleh pemiliknya. Dengan kata lain, Syeikh Qalyubi Rahimahullah (t.th:3/115) menyatakan bahawa perbahasan mengenai penemuan harta ini mempunyai unsur *amanah*, *wilayah* dan juga *iktisab*. Petikan kata beliau

وَفِي اللَّقْطِ مَعْنَى الْأَمَانَةِ وَالْوِلَايَةِ ... وَفِيهِ مَعْنَى الْاِكْتِسَابِ

Maksudnya: Dan pada penemuan harta ini ada unsur amanah dan penjagaan...dan padanya juga ada unsur perolehan.

Teks di atas menggambarkan secara keseluruhan bahawa perbincangan mengenai penemuan harta *luqatah* ada tiga sisi semuanya. Pertama, sisi amanah iaitu mengambil harta yang dijumpai dengan tujuan untuk menjaganya. Kedua, sisi penjagaan barang yang ditemui dan ketiga ialah sisi perolehan iaitu pihak yang menjumpai harta keciciran mempunyai niat untuk memiliki serta menggunakan atau memanfaatkan barang yang ditemui.

OBJEKTIF

Berdasarkan kepada pengenalan di atas, kertas ini dikemukakan untuk mengupas tatacara atau kaedah pengelolaan barang berharga yang ditemui dalam kawasan masjid atau surau lalu diambil dan disimpan. Hasil daripada perbincangan yang sederhana ini diharapkan menjadi panduan kepada jawatankuasa masjid dan surau menjalankan tanggungjawab mengurus harta milik orang orang sama ada beragama Islam atau bukan beragama Islam yang tercicir dalam kawasan masjid atau surau.

HUJAH

Dalam mazhab Syafie, sekiranya terdapat harta yang tercicir, sesiapa yang menemuinya dan dalam konteks ini pihak jawatankuasa masjid atau surau digalakkan untuk mengambil harta tersebut berbanding hanya membiarkan sahaja harta tersebut. Hatta hukumnya sunat kerana mengambil kira kepercayaan masyarakat kepada jawatankuasa masjid dan surau untuk mengurus hal ehwal masjid dengan baik. Imam al-Nawawi (2005:173) dalam Minhaj al-Talibin menjelaskan

يُسْتَحَبُّ الْإِلْتِقَاطُ لَوَائِقٍ بِأَمَانَةٍ نَفْسِهِ

Maksudnya: Disunatkan (hukumnya) mengambil (barang yang keciciran) kepada sesiapa yang yakin dirinya boleh menjaga amanah.

Pada teks di atas, Imam al-Nawawi Rahimahullah memulakan perbincangan ketika menulis topik *luqatah* ialah menyatakan hukum sunat merupakan hukum asal kepada sesiapa yang berkeyakinan boleh menjaga amanah dengan mengambil barang yang

ditemui keciciran. Hukum ini bersesuaian dengan situasi semasa jawatankuasa masjid dan surau kerana keyakinan tinggi masyarakat dan pihak berkuasa agama kepada mereka dalam mengendalikan semua urusan berkaitan masjid dan surau termasuklah isu *luqatah* ini.

Bahkan menjadi wajib hukumnya jawatankuasa masjid dan surau mengambil barang itu jika terdapat kemungkinan besar barang yang bernilai itu akan rosak atau hilang jika dibiarkan begitu sahaja. Lihat sahaja pandangan Syeikh 'Umairah Rahimahullah (t.th:3/115) yang mewakili tokoh mazhab Syafie yang lain seperti Syeikh Ibn Hajar (t.th:6/318) dan Syeikh Shubramallisi (t.th:5/428). Beliau berkata,

نَعَمْ لَوْ تَعَيَّنَ لِلْأَخْذِ وَخَافَ الضَّيَاعَ يَنْبَغِي الْوُجُوبُ

Maksudnya: Namun, jika perlu untuk diambil dan ditakuti rosak maka menjadi kewajipan (diambil).

Teks di atas ini jelas menunjukkan bahawa hukum sunat mengambil barang tercicir bertukar menjadi wajib apabila kemungkinan besar barang yang ditemui itu terabai dan binasa jika tidak diambil. Sekaligus menjadi petanda kepada ahli jawatankuasa masjid dan surau untuk tidak berfikir panjang jika mendapati barang keciciran itu akan rosak sekiranya dibiarkan. Dengan kata lain, pihak masjid dan surau yang mempunyai kredibiliti dan bertanggungjawab adalah dikehendaki untuk mengelolakan barang yang pemiliknya tertinggal atau lupa agar kehormatan harta terpelihara.

Seterusnya, jawatankuasa masjid mesti segera mengenal pasti ciri-ciri barang yang diambil ini. Bahkan dalam mazhab Syafie hukumnya adalah wajib (Ibn Qasim 2005:207). Antara perkara yang perlu diperhatikan ialah (al-Sharbiniyy t.th:2/371) ciri-ciri dan sifat barang itu terlebih dahulu. Begitu juga dengan jenisnya, mungkin diperbuat daripada kulit atau bahan lain. Selain itu, perincian yang berkaitan dengan barang tersebut dari segi saiz dan berat juga perlu dilihat. Pada masa yang sama, tempat barang dan waktu dijumpai juga perlu diberi perhatian bahkan sunat hukumnya

mencatat kesemua maklumat di atas (al-Ramli 1984:4/428). Hal ini boleh difahami daripada hadis yang berbunyi

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ اللُّقْطَةِ، الذَّهَبِ، أَوْ الْوَرِقِ؟ فَقَالَ: اعْرِفْ وِغَاءَهَا وَعِفَاصَهَا

Maksudnya: Rasulullah ﷺ ditanya tentang memungut barang yang keciciran, emas atau perak? Baginda menjawab, kenalilah akan ikatan yang mengikat harta tersebut serta bekasnya (Bukhari, Sahih, kitab al-shurb wa al-musaqat, bab shrub al-nas wa al-dawabb min al-anhar)

Hadis di atas menunjukkan panduan yang ditinggalkan oleh Rasulullah ﷺ mengenai barang yang ditemui. Walaupun dinyatakan ikatan dan bekas sahaja tetapi ia adalah simbolik untuk mengenal pasti sesuatu barang buat pertama kalinya dilihat iaitu mengenali ciri-ciri fizikal barang tersebut. Ringkasnya, semua barang yang dijumpai perlu dikenal pasti spesifikasinya dan wajar dicatat. Catatan dan rekod ini perlu agar kepentingan pihak masjid dan pemilik barang terjaga. Misalnya barang yang ditemui itu beg, maka jawatankuasa masjid perlu catat perincian barang seperti tempat dijumpai, waktu beg itu dijumpai, jenis beg, saiz, warna, jenama, bahan buatan sama ada kulit atau kanvas. Kesemua perincian ini akan dapat dijadikan rujukan nanti apabila dibuat hebahan kepada orang ramai dan juga membantu jawatankuasa masjid dan surau menyerahkan barang kepada pemiliknya.

Setelah itu, barang yang dijumpai ini mesti bahkan hukumnya wajib disimpan dengan baik di tempat yang bersesuaian. Tujuannya ialah pemilik barang dapat mengambil semula barang kecicirannya tanpa berlaku kerosakan atau kehilangan. Dalam kitab al-Iqna' (al-Sharbiniyy t.th:2/371)

وَيَجِبُ عَلَيْهِ أَنْ يَحْفَظَهَا لِمَالِكِهَا فِي حِرْزٍ مِثْلَهَا إِلَى ظُهُورِهِ

Maksudnya: Dan wajib kepadanya (pemungut barang) untuk menjaganya (barang) bagi pihak pemilik barang di tempat yang bersesuaian sehingga pemiliknya datang.

Teks di atas menunjukkan bahawa setelah ciri-ciri barang direkodkan, maka langkah berikutnya ialah menyimpan barang yang dijumpai itu di tempat yang sesuai dan selamat. Tujuannya ialah untuk memastikan pemilik barang dapat mengambil semula barangnya yang tercicir. Begitu juga, barang yang disimpan itu boleh dimanfaatkan oleh masjid dan surau jika tidak dituntut oleh pemilik. Oleh itu, pihak masjid dan surau melalui jawatankuasa yang dilantik perlu memberi perhatian sewajarnya dalam penyimpanan barang agar hak pemilik barang terus terpelihara.

Langkah seterusnya pula, barang yang ditemui itu hendaklah dihebahkan. Hukumnya ialah wajib (Zakariyya al-Ansariyy t.th:2/491). Ini bermakna pihak jawatankuasa masjid dan surau mesti memaklumkan kepada semua orang bahawa terdapat barang keciciran yang ditemui. Lihat petikan daripada Asna al-Matalib fi Sharh Rawd al-Talib berbunyi

وَيَجِبُ التَّعْرِيفُ سَنَةً

Maksudnya: Dan wajib mengiklankan selama setahun.

Pada teks di atas, pemakluman mengenai barang yang ditemui wajib dilakukan oleh masjid dan surau. Hukum wajib memaklum atau menghebahkan ini difahami daripada petikan nas hadis (Bukhari, Sahih, kitab al-shurb wa al-musaqat, bab shrub al-nas wa al-dawabb min al-anhar) yang berbunyi ثُمَّ عَرَفَهَا سَنَةً yang bermaksud ‘kemudian maklukkannya selama setahun.’ Pada nas ini mengandungi perintah supaya barang yang ditemui itu dimaklumkan dan dihebahkan. Kaedah usul fiqh menetapkan bahawa setiap perintah syarak yang tiada *qarinah* menunjukkan kepada hukum wajib. Oleh itu, pemakluman atau penghebahan barang yang ditemui hukumnya adalah wajib.

Tambahan pula, pungutan barang yang tercicir itu merupakan amanah dan pada masa yang sama bertanggungjawab menjaga hak pemilik asal barang. Penjagaan dan amanah itu pula hanya akan tercapai tujuannya dengan kebertanggungjawaban jawatankuasa masjid dan surau memaklumkan bahawa terdapat barang yang keciciran

di kawasan masjid dan surau. Dengan kata lain, melalui pemakluman dan hebahan, tidak timbul unsur khianat dengan sengaja menyembunyikan barang milik orang lain (Zakariyya al-Ansariyy t.th:2/491).

Tidak perlu dinyatakan bahawa pemakluman atau penghebahan itu perlu disebarikan secara meluas kepada orang ramai. Pada suatu ketika dahulu, fuqaha menyatakan iklan sebegini dibuat di pintu-pintu masjid dan pasar-pasar awam (Zakariyya al-Ansariyy t.th:2/492). Ini kerana di tempat sebegini kebarangkalian pemakluman itu akan lebih mudah sampai kepada pemiliknya. Namun, ketika ini, maklumat lebih mudah sampai dengan kewujudan media sosial seperti Facebook, kumpulan yang diwujudkan melalui aplikasi WhatsApp dan Telegram. Maknanya, tidak memadai dengan hanya barang keciciran itu diletakkan dalam almari kaca yang terletak di mana-mana sudut masjid sahaja. Begitu juga tidak cukup dengan pemakluman oleh ahli jawatankuasa masjid selepas sembahyang fardu lima waktu kerana maklumat mengenai keciciran tidak tersebar secara meluas.

Pada masa yang sama, mazhab Syafie memperuntukkan tempoh masa penghebahan itu sekurang-kurangnya satu tahun. Ini bermakna pihak masjid atau surau wajib memaklumkan kepada jemaah secara berkala dari semasa ke semasa bergantung kepada uruf setempat (Zakariyya al-Ansariyy t.th:2/492) jika terdapat barang keciciran (Ibn Qasim 2005:207). Caranya ialah barang itu dihebahkan sebanyak dua kali sehari selama seminggu. Jika pemiliknya belum menuntut barang tersebut, maka dihebahkan sekali sehari dalam tempoh seminggu atau dua minggu. Sekiranya barang itu masih belum dituntut juga, hebahan dibuat sekali seminggu atau sekali dalam tempoh dua minggu. Jika pemilik barang tidak juga menuntut hak miliknya, tempoh hebahan barang itu ialah sekali sebulan (al-Sharbiniyy t.th:2/372). Setelah itu, penghebahan barang tersebut ialah sekali sahaja setiap bulan agar tidak terlupa yang barang itu perlu dikembalikan kepada pemilik asalnya (Zakariyya al-Ansariyy t.th:2/492).

Berhubung dengan kaedah penghebahan pula, pihak masjid dan surau hanya perlu dan sunat hukumnya menyatakan sebahagian daripada ciri barang. Dengan kata lain,

tidak dibenarkan untuk mendedahkan kesemua ciri barang yang keciciran itu agar tidak berlaku tuntutan palsu oleh orang lain yang tidak berhak. Bahkan pihak masjid dan surau perlu menjamin (*daman*) jika cuai apabila memberi butiran barang tercicir dengan terperinci (Zakariyya al-Ansariyy t.th:2/492). Misalnya jika wang yang tercicir, memadailah pengumuman dibuat yang menyatakan sesiapa yang ada keciciran wang boleh datang untuk menuntut tanpa pihak masjid tanpa menyatakan jumlah wang tersebut.

Selain pemberitahuan mengenai keciciran barang, hebahan selama setahun yang dibuat itu menjadi syarat untuk barang tersebut dimiliki manfaatnya oleh pihak masjid atau surau. Lihat kata-kata dalam Fath al-Qarib (Ibn Qasim 2005:207) yang berbunyi

إذا أراد الملتقط تملكها عَرَفَهَا ... سنة

Maksudnya: Jika orang yang mengutipnya ingin memilikinya (barang), maka iklankan (barang) tersebut...selama setahun.

Teks di atas jelas menunjukkan bahawa pihak masjid atau surau boleh mempunyai niat untuk mengambil hak milik barang yang ditemui. Syaratnya, hebahan telah berlaku dalam tempoh setahun yang bermula dari tarikh barang diiklankan; bukan tarikh barang ditemui. Maknanya, jika berlalu tempoh setahun selepas hebahan, pemilik barang masih tidak menuntut barangnya, maka barang itu boleh digunakan untuk kepentingan masjid dan surau. Namun demikian, pemilikan atau mengambil manfaat daripada barang ini mesti ada jaminan oleh pihak masjid atau surau (al-Sharbiniyy t.th:2/372 & Ibn Qasim 2005:208). Dengan kata lain, jika pihak masjid atau surau tiada niat untuk memiliki atau mendapat manfaat daripada barang yang ditemui, tiada jaminan diperlukan.

Selain itu, dalam mazhab Syafie pemilikan *luqatah* mesti menggunakan lafaz yang jelas (al-Sharbiniyy t.th:2/372 & Ibn Qasim 2005:208) menunjukkan niat ingin memiliki atau mengambil manfaat daripada barang yang dijumpai. Misalnya lafaz pernyataan

niat itu 'pihak masjid atau surau mengambil alih hak milik barang ini.' Ini bererti, semata-mata dengan niat sahaja untuk memiliki tanpa diikuti dengan lafaz yang menggambarkan niat, barang yang keciciran ini tidak boleh dimiliki kerana diqiyaskan dengan membeli memandangkan pemilikan secara jual beli mesti ada serahan dan penerimaan.

Sebelum mengakhiri perbincangan ini, kategori barang yang perlu mengambil masa hebahan selama setahun ini hanyalah barang yang boleh kekal dalam tempoh yang lama (Ibn Qasim 2005:209). Jika barang yang ditemui itu tidak bernilai tinggi dengan maksud jika dinilai dengan wang barang itu sudah tidak bernilai lagi yang kemungkinan besar pemiliknya tidak begitu kesal kehilangannya tidak perlu kepada hebahan selama setahun (al-Sharbiniyy 1994:3/591). Contohnya, barang yang ditemui itu makanan, pihak masjid atau surau boleh ambil serta memakannya dan digantikan dengan kadar nilai makanan tersebut jika pemiliknya datang menuntut.

Justeru, semua barang yang telah diambil alih hak milik dan dimanfaatkan oleh pihak masjid atau surau mesti dikembalikan jika barang itu masih ada sewaktu dituntut oleh pemiliknya. Kebiasaannya barang sebegini ialah setiap barang keciciran yang boleh tahan lama. Boleh juga barang itu tidak dikembalikan tetapi digantikan dengan nilai semasa jika pemiliknya bersetuju. Jika barang itu telah tiada dan selalunya barang yang tiada nilai atau mungkin juga mudah rosak dan tidak tahan lama, maka pihak masjid atau surau perlu menggantikannya dengan nilai kadar barang yang telah tiada itu (Qalyubi & Umayrah t.th:3/122).

SARANAN/KESIMPULAN

Pengelolaan barang keciciran di masjid dan surau mempunyai panduan yang dinyatakan dalam kitab-kitab fiqh mazhab Syafie. Panduan ini wajar dijadikan rujukan oleh pihak pentadbiran di masjid dan surau agar harta milik umat Islam tidak disia-siakan selaras dengan matlamat syarak memelihara aspek harta. Sebabnya barang temuan atau *luqatah* merupakan satu realiti yang sering berlaku dalam kehidupan

seharian masyarakat, termasuk di tempat-tempat ibadah seperti masjid dan surau. Ia merujuk kepada harta atau barang berharga yang dijumpai tanpa diketahui pemiliknya yang memerlukan pengurusan dan pengendalian yang teliti menurut perspektif syariah. Islam telah menggariskan panduan yang komprehensif dalam menguruskan *luqatah* bagi memastikan hak pemilik asal terpelihara, di samping memberi ganjaran kepada penemu yang bertanggungjawab menjaga harta tersebut. Pengurusan *luqatah* ini melibatkan beberapa aspek penting termasuk tanggungjawab memungut, kewajipan mengumumkan penemuan, tempoh pengumuman, dan prosedur pemilikan selepas tempoh tertentu, yang kesemuanya perlu difahami dan dilaksanakan dengan teliti terutamanya oleh pihak yang bertanggungjawab menguruskan institusi masjid dan surau.

Wallahu'alam.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

- Al-Damiriyy, Muhammad bin Musa. 2004. *Al-Najm al-Wahhaj fi Sharh al-Minhaj*. 10 jil. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Haytami, Ibn Hajar. T.th. *Tuhfat al-Muhtaj*. 10 jil. Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Ghazziyy, Muhammad bin Qasim. 2005. *Fath al-Qarib al-Mujib fi Sharh Alfaz al-Taqrīb*. Beirut: Dar Ibn Hazm li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Ma'any. 2024. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D8%A7%D9%84%D9%84%D9%82%D8%B7%D8%A9/> [Diakses pada 17 November 2024]
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. 2005. *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin* sunt. 'Iwad Qasim Ahmad 'Iwad. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ramli, Shams al-Din Muhammad. 1984. *Nihayat al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. 8 jil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sharawaniyy, 'Abd al-Hamid & al-'Abbadiyy, Ahmad bin Qasim. T.th. *Hawashi al-Sharawani wa al-'Abbadi 'ala Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. 12 jil. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Sharbiniyy, Muhammad bin Ahmad al-Khatib. T.th. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. 6 jil. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sharbiniyy, Muhammad bin Ahmad al-Khatib. 1994. *Al-Iqna' fi Hall Alfaz Abi Shuja'*. 2 jil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Qa'dan. Ahmad Mahmud. 2014. *Ahkam al-Luqatah wa al-Laqit fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Al-Qalyubi & Umayrah. T.th. *Hashiyah Qalyubi & Umayrah*. 2 jil. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Zaydan, Abdul Karim. 1990. *Luqatah Barang yang Tercicir* terj. Syahrudin Nasution. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan.
- Zakariyya al-Ansariyy. T.th. *Asna al-Matalib fi Sharh Rawd al-Talib*. 4 juz. T.tp: T.pt.